

## Persatuan Pelajar Bangladesh UPM Lancar Buku dan laman web



Prof Datuk Dr Nik Mustapha (kiri) dan Waisuzzaman (tengah) melihat buku cenderamata Bangladeshi Scholars In Universiti Putra Malaysia.

SERDANG, 19 Nov – Persatuan Pelajar Bangladesh, Universiti Putra Malaysia (UPM) dengan kerjasama Bahagian Antarabangsa UPM telah melancarkan majlis perasmian buku cenderamata "Bangladeshi Scholars In Universiti Putra Malaysia" di sini baru-baru ini.

Buku itu mengandungi 51 profil siswazah sarjana dan doktor falsafah (PhD) UPM warga Bangladesh yang sedang belajar dan telah menamatkan pengajian di UPM untuk urusan jaringan dan interaksi pada masa hadapan.

Kaunselor (Politik) dari pejabat Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh ke Malaysia, A.S.M Waisuzzaman yang hadir dalam majlis itu berkata pada masa kini seramai 25 pelajar Bangladesh sedang belajar di UPM.

"Malah sejak tahun 1990 seramai 108 pelajar lepasan ijazah Bangladesh telah menamatkan pengajian di sini dengan 58 daripadanya mendapat ijazah PhD," katanya ketika ditemui selepas majlis itu.

Beliau berkata penerbitan buku tersebut diusahakan oleh Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh ke negara ini sejak beberapa tahun dahulu.

Perasmian laman web Persatuan Pelajar Bangladesh UPM juga dilancarkan pada majlis itu di alamat [www.bsaupm.com](http://www.bsaupm.com) untuk kemudahan pelajar dari negara terbabit mendapatkan maklumat terkin.

Majlis yang berlangsung di Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah (KOSASS) UPM itu turut dihadiri oleh Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dan A.S.M Waisuzzaman.

Waisuzzaman berkata pelajar negara itu lebih berminat meneruskan pembelajaran di Malaysia kerana kos pengajian yang lebih murah daripada negara lain seperti Amerika Syarikat dan Australia.

Menurut beliau, jumlah pelajar Bangladesh di negara ini sudah mencapai sehingga 5,000 orang dan semakin meningkat dari masa ke semasa.

"Di Bangladesh sahaja terdapat dua juta pelajar yang berjaya menamatkan pengajian sekolah menengah dan kebanyakannya mereka berminat untuk menyambung pengajian di Malaysia," katanya.

Sementara itu, Dr. Nik Mustapha berkata pelancaran buku dan laman web tersebut membuka peluang kepada pelajar Bangladesh untuk meningkatkan pengetahuan dan proses pertukaran maklumat antara pelajar Bangladesh, sub-komuniti dan komuniti UPM.

Beliau berkata pelancaran tersebut juga berfungsi sebagai direktori yang mampu meningkatkan perhubungan baru kerana selama ini pelajar Bangladesh menghadapi halangan menyertai sub komuniti yang membincangkan isu-isu relevan kehidupan mereka.

"Saya berharap ahli Persatuan Pelajar Bangladesh UPM akan membantu bukan sahaja pelajar Bangladesh sahaja tetapi ahli sub komuniti lain," katanya.

Beliau juga berharap persatuan, sub komuniti dan pengurusan UPM akan meneruskan usaha perkongsian maklumat melalui buku cenderamata dan laman web berkenaan.

"Hasil penyelidikan pelajar lepasan ijazah warganegara Bangladesh turut meningkatkan hasil penyelidikan UPM untuk menjadi universiti penyelidikan terbaik," katanya.

Disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat UPM.